



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

SENI CAHAYA

Azeyra Bt Ali

N
6494.
L54
A994
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2006

611299630

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000166756

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

SENI CAHAYA

AZEYRA BT ALI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN

JUDUL : Seni Cahaya

SESI PENGAJIAN : Sesi 1 2005/ 2006

Saya AZEYRA BT ALI

mengaku membenarkan tesis / Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis / Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan ☐

☐

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah Keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐


TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penyelia


Tandatangan Penulis

Tarikh: 21/4/06

Tarikh: 4/5/2006


Alamat Tetap:
21B, Kg Taman Lubok Jong,
17000, Pasir Mas, Kelantan.

Catatan : * Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda.

*Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Penulisan Ilmiah '**Seni Cahaya**' telah disediakan oleh **Azeyra Bt Ali** dan telah disediakan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(En. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani)

Tarikh:

4/5/2006

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana tanpa limpah izin dan kurnianya, saya tidak mempunyai kekuatan dan semangat untuk menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini tanpa adanya sebarang masalah.

Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Encik Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani selaku pensyarah dan penyelia kepada tugas penyelidikan ilmiah ini. Segala idea, semangat, kritikan dan segala bentuk bantuan daripada beliau amatlah dihargai. Sanjungan dan setinggi penghargaan juga kepada para pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif khususnya kepada pensyarah program Seni Halus iaitu Encik Awangko Hamdan Awang Arshad, Encik Zulkarnain Zainal Abidin, Encik Anuar Ayob dan Encik Yakup Rafee. Segala ilmu dan tunjuk ajar daripada para pensyarah amatlah dihargai.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada ma, abah dan adik-adik. Tidak ketinggalan kepada yang teristimewa Wan Danni Muzafar Wan Musa, Zuraini Abdul Ghani dan Suhairudin Che Noh yang telah banyak memberi dorongan dan semangat dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tanpa adanya semangat dan dorongan daripada kalian, penulisan ilmiah ini tidak akan dapat disiapkan dan segala jasa baik daripada kalian semoga akan memperolehi ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, Wassalam....

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
<i>Pengesahan</i>	<i>i</i>
<i>Pengakuan</i>	<i>ii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>iii</i>
<i>Isi Kandungan</i>	<i>iv</i>
<i>Abstrak</i>	<i>v</i>
<i>Abstract</i>	<i>vi</i>
BAB 1- PENGENALAN	1-6
BAB 2- ANALISIS KAJIAN	
2.1 Pengkarya Seni Cahaya.	7-13
2.2 Penerimaan Seni Cahaya.	14-16
2.3 Penggunaan Seni Cahaya.	17-19
2.4 Pendekatan Karya Peribadi	20-21
BAB 3- KESIMPULAN	22-24
LAMPIRAN	25-26
SENARAI RUJUKAN	27

ABSTRAK

Cahaya yang wujud disekeliling kita telah memberi ilham kepada pengkarya untuk menghasilkan karya. Cahaya dilihat sebagai sesuatu yang boleh dijadikan sebagai bahan seni. Unsur cahaya dari sumber elektrik telah dijadikan sebagai bahan pengolahan dimana ia telah diolah dan diaplikasikan kedalam bentuk seni. Pelbagai percubaan telah dilakukan bagi mendapatkan hasil yang menarik. Dalam masa yang sama, ia dianggap sebagai bahan baru dalam seni.

ABSTRACT

Light that surround us has given an idea for artist to create artwork. Light can be assume as something that can be an art material. The light from electric power has been use as a processing material and its has been processed and apply into the art. Some research and experiment has been done to get satisfactory and interesting result. At the same time, it is consider as new material in art..

BAB 1

PENGENALAN

Thomas Alva Edison mula memperkenalkan mentol yang berupaya menghasilkan cahaya menggunakan kabel karbon dalam bola kaca vakum pada tahun 1878, bermula dari situlah perluasan teknologi ini mula digunakan untuk pelbagai tujuan. Perkembangan-perkembangan ini telah banyak mengubah keadaan kehidupan manusia. Dari masa ke masa, teknologi yang telah dibawa oleh Thomas Alva Edison ini telah diperluaskan oleh setiap orang yang berupaya melihat kemungkinannya, sehinggalah terbitnya sumber dan kaedah penghasilan cahaya baru yang terkini seperti laser. Potensi cahaya daripada sumber-sumber elektrik ini juga telah memberi ilham kepada pengkarya seni untuk menjadikannya sebagai bahan pengolahan dan interpretasi dimana cahaya yang ada telah diolah dan telah diaplikasikan kedalam bentuk seni. Cahaya dilihat sebagai sesuatu yang boleh dijadikan sebagai bahan seni dan para pengkarya seni hari ini telah mengolah cahaya yang wujud disekeliling kita dengan begitu kreatif dan ramai yang tidak menyangka cahaya juga boleh dijadikan sebagai salah satu karya seni. Ini disebabkan masyarakat hari ini menganggap kehadiran cahaya dari sumber-sumber elektrik ini adalah berfungsi untuk menerangi kawasan yang gelap sahaja.

Seni cahaya dapat ditakrifkan sebagai seni yang menjadikan unsur cahaya dari sumber elektrik sebagai bahan untuk berkarya dan kebanyakan karya seni cahaya ini adalah bersifat minimal ataupun sederhana. Karya seni cahaya ini juga dianggap sebagai salah satu bentuk seni yang turut mengalami pembaharuan atau dengan kata lain ia dianggap sebagai bahan baru untuk seseorang pengkarya seni berkarya. Ini disebabkan ia

tidak lagi melibatkan bahan-bahan seperti kanvas dan cat minyak untuk berkarya tetapi melibatkan penggunaan bahan-bahan seperti mentol-mentol lampu, LED, laser dan sebagainya.

Seni cahaya yang diwujudkan oleh pengkarya seni ini adalah lahir dari kehadiran seni elektronik dan penggunaan cahaya dari sumber-sumber elektrik ini amat berkait rapat dengan teknologi. Ini kerana sumber-sumber elektrik yang digunakan oleh pengkarya seni hari ini ialah berkaitan dengan teknologi elektrik seperti alatan yang mengeluarkan cahaya iaitu laser, mentol-mentol lampu, LED dan sebagainya. Namun, ada juga yang menggunakan LCD dan projektor sebagai bahan untuk berkarya dan peralatan ini adalah termasuk dalam penghasilan karya seni cahaya. Peralatan seperti projektor berhubungkait dengan penggunaan komputer dimana komputer berfungsi untuk mengawal pergerakan cahaya dalam sesebuah karya seni cahaya yang telah dihasilkan.

Menurut Frank Popper (dalam *Art of The Electronic Age*), salah satu sumber teknologi yang paling penting adalah berhubung dengan tafsiran baru dan menggunakan pergerakan cahaya untuk mewakili seni kinetik. Asalnya, seni ini mula dijejaki antara tahun 1913 dan 1920 bila Duchamp, Tatlin dan Gabo mula menghasilkan karya pertama mereka. Ada yang mengatakan sebelum ini, salah satu kemajuan yang menakjubkan adalah berdasarkan seni cahaya yang melibatkan penggunaan laser atau juga disebut sebagai akronim untuk peningkatan cahaya bagi mendorong pancaran radiasi. Percubaan laser yang pertama tidak ditunjukkan sehinggalah tahun 1960, sungguhpun begitu ia

adalah asas kepada kiraan yang dibuat oleh Albert Einstein pada awal tahun 1917 dan ia adalah penggunaan pertama sebagai bahan seni dalam tahun 1965.

Manakala menurut Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani dalam *Penerimaan dan Pengiktirafan: Teknologi Elektronik Sebagai Alatan Dan Media Baru Dalam Seni Visual* (dalam *E-Art Asean*) perkembangan seni telah membawa satu pengucapan baru dalam persembahan dan aliran seni. Kepelbagaian elemen yang melibatkan cahaya dan kinetik turut ditampilkan. Keghairahan menjadikan mentol serta lampu elektrik sebagai medium baru cuba ditampilkan dalam karya-karya Dan Flavin (*Green Crossing Green*, 1966) dan Bruce Nauman (*Green Light Corridor*, 1970). Ekoran daripada ini maka diyakini telah wujud karya-karya seni cahaya dan ianya melibatkan penggunaan bahan-bahan seperti mentol-mentol lampu dan LED untuk berkarya. Bahan-bahan ini dikategorikan sebagai bahan baru untuk berkarya dimana para pengkarya tidak lagi menggunakan bahan-bahan yang bersifat tradisi.

Perkembangan seni juga telah sedikit sebanyak mengubah kaedah penyampaian dan juga persembahan dalam dunia seni kepada bentuk yang lebih maju lagi. Dalam hal ini, masyarakat pada masa kini adalah lebih maju berbanding dengan masyarakat sebelum ini. Masyarakat sebelum ini hanya menggunakan peralatan yang berbentuk konvensional sahaja untuk membuat kerja-kerja seharian. Oleh yang demikian, masyarakat hari ini lebih terdedah kepada penggunaan peralatan elektronik dalam kehidupan seharian. Dengan wujudnya masyarakat yang berteknologi, para karyawan pada masa kini lebih cenderung kepada penggunaan peralatan elektronik dalam penghasilan karya. Disamping

itu juga, peralatan elektronik ini senang untuk digunakan. Walaupun dengan kewujudan gabungan antara seni dan teknologi, namun ia tidak langsung menjejaskan bahan pengucapan seni yang telah sedia ada.

Di Malaysia, tidak ramai pengkarya seni yang menghasilkan karya seni cahaya kerana mereka ini dikatakan begitu lambat dalam menerima setiap pembaharuan lebih-lebih lagi yang melibatkan pembaharuan bahan-bahan untuk berkarya. Diantara pengkarya yang begitu cenderung dalam penghasilan seni cahaya ini adalah Syed Alwi bin Syed Abu Bakar, karyanya yang bertajuk *Hari Ini, Esok*. Untuk menghasilkan karya ini, beliau telah memilih aliran elektronik menerusi rangkaian LED. Manakala di Barat pula, ramai pengkarya seni yang melibatkan diri dalam penghasilan karya seni cahaya ini, antaranya ialah Bruce Nauman dan Dan Flavin. Mereka ini dikatakan meminati karya-karya yang melibatkan seni cahaya ini dan telah mengolah cahaya dari sumber-sumber yang ada dengan begitu menarik sekali.

Seni cahaya amat berkaitan dengan pengaplikasian unsur cahaya melalui sumber-sumber elektronik dan kemudiannya ia telah diolah menjadi sebuah karya seni. Dalam dunia seni hari ini, segelintir pengkarya seni yang telah menggunakan unsur cahaya ini untuk berkarya namun karya yang telah dihasilkan oleh mereka tidak boleh dianggap sebagai seni cahaya. Ini disebabkan konsep seni cahaya itu sendiri dimana ia melibatkan unsur cahaya dari sumber elektrik dan ini adalah berbeza dengan penggunaan cahaya oleh pengkarya. Dalam hal ini, contoh artis seni yang turut menggunakan unsur cahaya ialah Hasnol Jamal Saidon iaitu beliau telah menghasilkan karya yang bertajuk *The Borrower*

of Light. Karya yang telah beliau hasilkan ini tidak boleh dikategorikan sebagai seni cahaya kerana unsur cahaya yang telah beliau aplikasikan dalam karyanya adalah sebagai elemen utama yang memainkan peranan penting untuk memanifestasikan watak dan bukannya menggunakan unsur cahaya dari sumber elektrik seperti mentol lampu yang kemudiannya telah diolah dengan menarik sebagaimana yang telah dihasilkan oleh artis seni cahaya seperti Syed Alwi bin Syed Abu Bakar dimana beliau telah aplikasikan unsur cahaya menerusi penggunaan LED.

Penerimaan terhadap seni cahaya juga amat kurang dikalangan pengkarya seni dan begitu juga dengan pemerhati. Bagi pengkarya seni mereka lebih suka berkarya dengan menggunakan bahan dan alatan yang bersifat tradisi, ini disebabkan segelintir daripada mereka berpendapat menggunakan alatan yang berteknologi akan menjejaskan penggunaan bahan seni dan ada juga yang tidak dapat menerima bahan baru untuk berkarya. Manakala, bagi pemerhati pula mereka tidak dapat menilai karya yang dipamerkan adalah sebagai salah satu karya seni cahaya. Ini disebabkan penilaian seseorang individu terhadap apa yang mereka perhatikan adalah jauh berbeza diantara satu sama lain.

Penggunaan seni cahaya pula melibatkan penggunaan alatan untuk berkarya. Ini adalah amat berkaitan dengan penggunaan unsur cahaya dari alatan sumber-sumber elektrik seperti mentol lampu, laser dan juga LED. Alatan ini tergolong dalam alatan yang berunsurkan teknologi dan dalam hal ini ia adalah termasuk dalam kategori bahan baru dalam dunia seni.

Sebagai kesimpulannya, walaupun seni cahaya pada hari ini dianggap sebagai seni yang baru iaitu melibatkan penggunaan bahan yang baru, namun ia tetap dianggap sebagai salah satu karya yang mampu menarik perhatian penonton ekoran daripada pelbagai percubaan yang telah dilakukan bagi mendapatkan hasil yang menarik.

BAB 2

ANALISIS KAJIAN


2.1 Pengkarya Seni Cahaya

Keghairahan pengkarya seni untuk mengaplikasikan unsur cahaya sebagai bahan untuk berkarya telah mewujudkan karya yang berasaskan cahaya atau ia lebih dikenali sebagai seni cahaya. Ekoran daripada ini, maka pengamal seni telah mula melibatkan diri untuk berkarya dengan mengaplikasikan unsur cahaya yang boleh didapati daripada sumber-sumber elektrik contohnya menjadikan mentol lampu sebagai sebahagian alatan untuk berkarya.

Di Malaysia , para pengamal seni juga turut mendapat tempias daripada ledakan teknologi yang disebarkan dan dari sinilah maka telah wujud pelbagai percubaan keatas peralatan berteknologi ini lebih-lebih lagi peralatan yang mengeluarkan cahaya seperti mentol lampu dan laser. Tetapi, seni cahaya ini bertapak untuk sementara sahaja dalam dunia seni. Walaupun ada diantara pengkarya seni yang telah membuat percubaan untuk menghasilkan karya seni cahaya ini dan telah meninggalkan teknik yang lama untuk berkarya, sebagai contohnya menghasilkan karya hanya dengan menggunakan kanvas dan cat minyak tetapi mereka ini telah kembali kepada teknik asal mereka. Dalam hal ini, keadaan yang sama juga turut berlaku keatas salah seorang pengkarya seni iaitu Syed Alwi bin Syed Abu Bakar dan beliau telah melakukan percubaan untuk menghasilkan karya dengan mengaplikasikan unsur cahaya ini, namun ianya hanyalah untuk sementara sahaja dan beliau telah kembali menggunakan teknik yang lama untuk berkarya.

Penglibatan pengkarya seni dalam seni cahaya ini boleh dikatakan begitu menggalakkan terutamanya di Barat. Di Malaysia juga wujud seni yang berasaskan cahaya namun penglibatannya adalah sangat perlahan dan ini adalah disebabkan sesetengah golongan pengkarya masih lagi menggunakan bahan dan alatan yang bersifat tradisi. Masih ramai yang menganggap seni yang berteraskan teknologi akan menjejaskan penggunaan bahan seni yang telah sedia ada dan ramai yang kurang menerima kehadiran teknologi dalam dunia seni hari ini.


Manakala di Barat pula adalah berlainan dalam penerimaan teknologi dalam seni dan penglibatan dalam seni yang berasaskan cahaya adalah begitu menggalakkan. Masyarakat di Barat dikatakan mudah menerima setiap pembaharuan dalam kehidupan mereka lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan arus kemodenan dan begitu juga dengan penerimaan seni dalam masyarakat. Seni dianggap sebagai sesuatu yang menarik dimata masyarakat di Barat dan dengan wujudnya seni yang berteraskan teknologi akan dianggap sebagai sesuatu yang baru dalam dunia seni.



Syed Alwi bin Syed Abu Bakar
Hari Ini, Esok
LED dan Wayar

Syed Alwi bin Syed Abu Bakar merupakan salah seorang pengkarya seni yang begitu cenderung dalam penghasilan karya seni cahaya ini dan karyanya bertajuk Hari Ini, Esok. Untuk menghasilkan karya ini, beliau telah memilih aliran elektronik menerusi rangkaian wayar dan LED sebagai elemen utama dan beliau seakan cuba untuk menerapkan nilai, idea dan nada timur menerusi penggunaan unsur cahaya dari teknologi elektronik ini. Dalam karya beliau ini juga, beliau juga telah memilih rangkaian warna LED yang sesuai agar ianya bertepatan dengan konsep yang ingin disampaikan.


Manakala di barat pula, ramai pengkarya seni yang melibatkan diri dengan seni cahaya ini. Diantara para pengkarya seni yang begitu cenderung dalam mengaplikasikan unsur cahaya kedalam bentuk seni ialah Bruce Nauman dan Dan Flavin. Para pengkarya di barat dikatakan amat fanatik dengan kehadiran sesuatu benda yang baru, lebih-lebih yang melibatkan penggunaan bahan baru untuk menghasilkan karya seni. Dengan ini, maka unsur cahaya telah digunakan sebagai bahan untuk berkarya.



Bruce Nauman
Green Light Corridor
Lampu Hijau
1970-1971

Bruce Nauman telah menghasilkan karya yang melibatkan penggunaan lampu yang mengeluarkan cahaya yang berwarna hijau, karya yang dihasilkan oleh beliau ini bertajuk *Green Light Corridor* yang telah dihasilkan pada tahun 1970-1971. Dalam karya ini, beliau telah menggunakan cahaya yang berwarna hijau dan cahaya hijau tersebut akan memberi kesan kepada pemerhati iaitu apakah reaksi pemerhati terhadap warna tersebut. Setiap manusia mempunyai pandangan yang berbeza tentang warna yang mereka lihat, ada yang mengatakan jiwa mereka akan tenang apabila melihat warna hijau dan begitu juga sebaliknya.

Dan Flavin juga merupakan salah seorang pengkarya seni yang mengaplikasikan unsur cahaya kedalam karyanya. Diantara karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau ialah *Green Crossing Green* (1966), *Untitled* (1986) dan *Untitled* (1987). Dalam ketiga-tiga karya ini beliau telah menggunakan unsur cahaya yang amat menarik sekali.




Dan Flavin
Green Crossing Green
Lampu hijau
133.4x584.8x303.6cm
1966

Dalam karya *Green Crossing Green* (1966) ini, beliau telah mengaplikasikan cahaya dari lampu yang berwarna hijau. Warna hijau dikatakan tergolong dalam warna-warna yang menceriakan dan ia mampu memberikan kesan yang mendalam iaitu ia akan mewujudkan suasana yang dapat menjana minda pemerhati lebih-lebih lagi kepada penggemar warna hijau.



Dan Flavin
Untitled
Lampu Kuning dan Merah Jambu
259.1 x 243.8 x 21.3 cm
1986

Manakala dalam karya yang dihasilkan pada tahun 1986 pula, beliau telah mengaplikasikan gabungan cahaya kalimantan dengan lampu yang berwarna kuning dan merah jambu. Warna kuning dan merah jambu yang telah digunakan oleh beliau ini mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap pemerhati. Dengan gabungan kedua-dua warna ini, maka ia dapat menimbulkan satu suasana yang ceria dan ia amat berkait rapat dengan emosi. Contohnya sesetengah orang menganggap warna kuning melambangkan kekayaan manakala warna merah jambu pula merupakan warna yang dapat menyejukkan hati. Dengan ini, maka wujud pelbagai tanggapan daripada pemerhati.



Dan Flavin
Untitled
Lampu Merah, Merah Jambu, Kuning, Biru dan Hijau
243.8 x 243.8 x 23.5 cm
1987

Karya yang dihasilkan pada tahun 1987 pula, beliau telah aplikasikan cahaya dari lampu kalimantan yang berwarna merah, merah jambu, kuning, biru dan hijau. Warna-warna yang digunakan oleh beliau dapat membentuk minda pemerhati dan warna-warna itu juga telah memberi kesan emosi kepada pemerhati.

Jika diteliti secara terperinci, wujud begitu banyak perbezaan dalam setiap karya yang dihasilkan oleh para pengkarya seni tidak kira dari barat ataupun dalam Malaysia. Namun begitu, dalam masa yang sama ia juga mempunyai persamaan dalam pemilihan unsur cahaya. Ini disebabkan para pengkarya dari barat begitu bijak dalam mengaplikasikan unsur cahaya ini tetapi para pengkarya dari Malaysia juga mempunyai kemahiran yang sama, cuma dari segi pemilihan unsur cahaya yang berbeza. Namun, mereka mempunyai kemahiran masing-masing dalam mengaplikasikan unsur cahaya ini.

2.2 Penerimaan Seni Cahaya.

Seni yang berasaskan cahaya selalunya dikaitkan dengan penggunaan teknologi elektrik. Dalam dunia hari ini, kebanyakan segala urusan adalah menggunakan peralatan yang berasaskan teknologi sebagai contohnya masyarakat hari ini tidak lagi menggunakan pelita minyak tanah untuk mendapatkan cahaya tetapi telah menggunakan mentol-mentol elektrik. Dengan perkembangan teknologi elektrik inilah telah memberi ilham kepada pengkarya seni untuk menghasilkan karya dari cahaya dan mereka ini telah mula berjinak-jinak untuk mengaplikasikan unsur cahaya kedalam karya mereka.

Cahaya dari sumber elektrik ini merupakan salah satu daripada bahan yang berunsurkan teknologi. Dengan arus perkembangan teknologi ini maka ramai pengkarya seni yang menggunakan cahaya sebagai bahan untuk berkarya. Walaupun hanya segelintir sahaja pengkarya seni yang mencuba untuk mengaplikasikan unsur cahaya kedalam karya seni, namun ia tetap mendapat tempat dalam dunia seni kerana ianya dianggap sebagai sesuatu yang baru dalam dunia seni.

Seni cahaya yang telah diwujudkan oleh para karyawan seni ini dianggap sebagai sesuatu yang menarik kerana karya ini banyak bermain dengan unsur cahaya tidak kira dari mentol-mentol lampu, LED, projektor, LCD dan sebagainya. Unsur cahaya dari sumber elektrik ini boleh didapati dalam pelbagai warna, bentuk dan saiz kerana ianya melibatkan bahan atau peralatan yang pelbagai, contohnya mentol lampu yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk dan warna yang menarik. Dengan wujudnya cahaya

dalam pelbagai bentuk dan warna yang menarik maka ia telah diolah agar ianya bersesuaian dengan pengucapan seni dalam sesebuah karya seni.

Unsur cahaya dari sumber-sumber elektrik ini mempunyai hubung kait dengan seni elektronik dan dalam masa yang sama ia amat berkait rapat dengan peralatan yang berteraskan teknologi seperti laser dan mentol lampu. Dengan arus perkembangan teknologi ini, ramai pengkarya seni yang mengaplikasikan unsur cahaya kedalam karya seni mereka. Walaupun hanya segelintir sahaja pengkarya seni yang telah membuat percubaan keatas unsur cahaya dan mengaplikasikannya kedalam karya namun ia tetap mendapat tempat dalam dunia seni.

Kewujudan seni cahaya didunia juga telah menimbulkan pelbagai tanggapan dan telah wujud keraguan dimana ada pihak yang meragui karya tersebut boleh dianggap sebagai seni cahaya ataupun tidak. Dari sinilah maka bermulanya penerimaan seni cahaya dan ianya melibatkan pemerhati dan juga pengkarya itu sendiri.

Bagi pemerhati, ada yang berpendapat karya yang dihasilkan dan dipamerkan tidak boleh digelar sebagai seni cahaya dan ada juga yang berpendapat sebaliknya. Aset penting dalam seni cahaya ini adalah pemerhati dimana akan wujud interaksi antara pemerhati dengan karya yang dipamerkan.

Dalam masalah yang berkait dengan penerimaan seni cahaya dikalangan pemerhati dan juga karyawan seni ini, ia perlu ditangani agar seni cahaya akan terus mendapat tempat dan perhatian dalam dunia seni. Dalam hal ini, pengkarya mestilah bijak untuk menghasilkan karya seni cahaya agar ia akan diterima oleh masyarakat. Selain daripada itu juga, pameran yang berunsurkan cahaya ini perlu diadakan setiap masa agar masyarakat akan lebih mengenali seni cahaya ini dengan lebih dekat lagi dan tidak wujud lagi keraguan dalam menentukan kebenaran seni cahaya. Dalam dunia seni hari ini, pengkarya seni perlu peka dengan kehadiran teknologi dan menggunakan segala alatan yang berunsurkan teknologi ini agar sebarang karya yang melibatkan penggunaan alatan seumpama ini akan mendapat perhatian, contohnya menggunakan alatan seperti mentol lampu untuk berkarya. Walaupun ia telah mengubah bentuk bahan dan juga alatan untuk berkarya namun dalam masa yang sama ia telah memberi pelbagai kebaikan dan contoh yang dapat kita lihat ialah ia menjimatkan masa dan ia juga telah meningkatkan kualiti sesuatu karya yang dihasilkan.